

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

KARTEL GUDANG DI PELABUHAN KLANG DISIASAT DAN DIDENDA

KUALA LUMPUR, 9 OGOS 2021 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenakan penalti kewangan berjumlah bermula dari RM26,363.03 sehingga RM336,369.13 terhadap tujuh (7) pengusaha operator gudang kerana penglibatan mereka dalam kartel penetapan harga berhubung dengan perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo import dan eksport di Pelabuhan Klang. Pengusaha gudang tersebut adalah-

- (i) SAL Agencies Sdn. Bhd.
- (ii) WCS Warehousing Sdn. Bhd.
- (iii) Regional Synergy (M) Sdn. Bhd.
- (iv) Intrexim Sdn. Bhd.
- (v) Pioneerpac Sdn. Bhd.
- (vi) Prima Warehousing Sdn. Bhd.
- (vii) Intercean Warehousing Services Sdn. Bhd.

Secara kolektif, jumlah besar denda tersebut adalah RM1,043,012.52. Jumlah yang dikenakan ke atas setiap pengusaha gudang tersebut adalah tidak melebihi 10% daripada nilai perolehan mereka di seluruh dunia. Dalam proses penentuan penalti ini, MyCC telah mempertimbangkan kesan serta impak situasi ekonomi semasa dan faktor peringangan dan pemberatan.

Dalam penyiasatannya, MyCC mendapati bahawa antara Mei 2017 dan Disember 2019, ketujuh-tujuh pengusaha operator gudang ini telah membentuk satu kartel dan berkomplot untuk menetapkan surcaj bagi perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo. Semasa serbuan terhadap operator-operator terbabit, MyCC mendapati bahawa melalui platform WhatsApp, mereka telah berbincang untuk menetapkan surcaj walaupun mengetahui bahawa mereka adalah pesaing-pesaing di dalam pasaran perkhidmatan gudang. Dalam serbuan yang sama, MyCC turut mendapati mereka telah membentuk suatu perjanjian kartel melalui dokumen 'Memorandum Surcaj' bertarikh 22 Mei 2017. Dalam memorandum tersebut, semua



UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

operator terbabit telah bersetuju untuk mengenakan harga yang dipersetujui mulai 1 Jun 2017.

Semua pihak terbabit telah mengemukakan representasi mereka di antara Disember 2020 dan Mac 2021 kepada MyCC. Setelah dipertimbangkan dengan teliti, MyCC telah membuat kesimpulan bahawa, tanpa keraguan, perlakuan semua pengusaha operator gudang ini merupakan pelanggaran di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

“Kartel penetapan harga dianggap sebagai pelanggaran yang amat serius di bawah undang-undang persaingan. Semua agensi persaingan di dunia mempunyai pandangan yang sama termasuk MyCC. Oleh itu, MyCC amat mengutamakan penyiasatan dan menetapkan hukuman yang setimpal terhadap perjanjian antipersaingan, terutama kartel penetapan harga dan kuota, perjanjian pembahagian pelanggan atau kawasan dan tipuan bida. Pelaku kartel ini, secara harfiahnya, mencuri wang dari poket peniaga dan pengguna,” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

“Semua pemain industri haruslah mengambil iktibar bahawa MyCC akan mengambil tindakan yang tegas dalam memerangi kartel untuk menghentikan sabotaj terhadap ekonomi negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Perusahaan di dalam semua sektor harus menghindari perbuatan tersebut. Bagi mereka yang sudah terlibat dalam kartel, individu atau perusahaan ini dinasihatkan menghubungi MyCC melalui permohonan rejim kelonggaran atau skim lain yang bersesuaian seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Persaingan 2010. MyCC akan sentiasa memberi peluang kepada pihak yang berhasrat untuk menghentikan perbuatan antipersaingan,” tambah beliau.

Dalam keputusan tersebut, MyCC juga menganjurkan kesemua pengusaha operator gudang ini untuk menghentikan penglibatannya dalam perjanjian penetapan harga yang boleh menghalang persaingan dalam perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat ke atas semua kargo import dan eksport. MyCC juga menganjurkan penetapan caj-caj berkaitan ditentukan secara bebas oleh kesemua operator selepas ini dan untuk masa hadapan.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

Keputusan bagi kes ini telah dipaparkan untuk tatapan umum melalui laman web MyCC di www.mycc.gov.my.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi
Telefon Bimbit : +6019 268 7030
Emel : azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjadikan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.



ANNEXE A

Nota Pengarang:

Maklumat mengenai Seksyen 4 dan 10 Akta Persaingan 2010

Seksyen 4: Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

Seksyen 4 (1) – Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau menganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (2) – Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk-

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
- (c) membataskan atau mengawal-
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida

disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau menganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (3) – Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungan bagi pelanggaran larangan itu.